



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	

# Rencana

## Kenapa perlu benci sesama Melayu

UM-24/3/2013

Oleh  
**TUN DR.  
MAHATHIR  
MOHAMAD**



PEJUANG-pejuang Melayu untuk kemerdekaan Malaysia percaya dengan menentukan jumlah warganegara Melayu melebihi bukan Melayu maka kepentingan Melayu dapat dipelihara dalam Malaysia yang demokratik. Apabila kemasukan Singapura menurunkan peratusan orang Melayu dengan begitu banyak dan terdapat Melayu sudah berpecah kepada UMNO dan Pas, Tunku Abdul Rahman Putra mengeluarkan Singapura dari Malaysia.

Walaupun UMNO tidak lagi mendapat sokongan orang Melayu sepenuhnya seperti semasa melawan Malayan Union, tetapi dengan mengepalai Perikatan, UMNO masih dapat mengetuai kerajaan dan memelihara kedudukan orang Melayu tanpa meniadakan hak orang bukan Melayu. Selama lebih dari 50 tahun orang Melayu melalui UMNO sebagai rakan kanan dalam Perikatan dan BN dapat diberi tempat, dimaju dan pertahankan.

Jelas sekali bahawa selagi orang Melayu tidak membencikan bangsa mereka sendiri, kuasa yang mencukupi akan terus berada di tangan orang Melayu. Musuh-musuh orang Melayu sedar akan hakikat ini. Jika mereka ingin rampas kuasa dari orang Melayu mereka mesti

pupuk kebencian orang Melayu kepada kemelayuan mereka.

Untuk tujuan ini Pas mengguna agama dan mengkafirkan sebahagian besar dari orang Melayu. Kononnya nasionalisme Melayu bertentangan dengan Islam. Tetapi Pas gagal menarik sokongan orang Melayu dengan mencukupi untuk menguasai kerajaan pusat. Jumlah calon Pas tidak pun sampai 50 peratus kerusi Dewan Rakyat. Justeru tidak pernah terjadi yang Pas dengan sendirinya mendapat kerusi lebih dari UMNO.

Orang UMNO kecewa yang keluar dari parti telah pujuk Pas supaya berganding bahu dengan DAP dan parti baru mereka untuk mendapat jumlah kerusi yang banyak seperti UMNO dengan rakan dalam BN supaya dapat mengurangkan kerusi yang dimenangi oleh Melayu UMNO. Walaupun Pas telah mendakwa bekerjasama dengan orang bukan Islam menjadikan orang Islam kafir, tetapi kerana begitu ghairah untuk menjadi kerajaan, dakwaan ini diketepikan.

Sebaliknya Pas cipta alasan baru untuk mengkafirkan orang UMNO. Hadi dalam amanatnya mendakwa bahawa UMNO kafir kerana mengekalkan sistem pemerintahan penjajah. Orang Pas yang taksub kepada parti dan pemimpin mereka melupakan soal bekerjasama dengan orang kafir dan sebaliknya beralih kepada amanat Hadi sebagai sebab orang UMNO kafir.

Ini pun tidak berjaya menjatuhkan UMNO walaupun pada 2008 Pas bersama DAP dan parti milik keluarga Anwar berjaya menguasai lima buah negeri.

Pendekatan Anwar untuk menyemai



**Peniaga dan pengusaha yang diberi peluang dan bantuan, pekerja-pekerja yang mendapat kerja kerana DEB, apakah mereka semuanya terdiri dari kroni kerajaan? Ada mereka yang menyertai parti lawan dan mengutuk kerajaan UMNO. Kronikah mereka?**

kebencian orang Melayu kepada orang Melayu berbeza. Anwar mendakap ketaksuban kepada kebebasan dan akal fikiran oleh Barat. Untuk meruntuhkan kuasa orang Melayu yang ada pada UMNO Anwar memperjuangkan aneka jenis kebebasan tanpa had.

Kononnya rakyat Malaysia tidak bebas. Kononnya rakyat Malaysia ditindas. Kononnya tidak ada kebebasan akhbar dan bersuara. Tidak ada kebebasan beragama (dalam kalangan orang Islam). Tidak ada kebebasan bagi perkahwinan sejenis, tidak ada kebebasan untuk mengguna kalimah Allah oleh orang Kristian, dan bermacam kebebasan lain.

Sesuatu yang menyebabkan orang Melayu sokong UMNO ialah Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang berjaya

memperbaiki sedikit taraf hidup orang Melayu.

Menyerang DEB tidak akan menjadikan Anwar popular. Apabila penentang DEB luar negeri, khususnya orang Barat, menuduh DEB hanya menguntungkan kroni UMNO, maka Anwar segera memeluk tuduhan ini dan menuding jari ke arah beberapa orang Melayu yang berjaya sebagai bukti yang DEB hanya menguntungkan kroni pemimpin kerajaan sahaja.

Di antara yang dipilih ialah Syed Mokhtar Albukhary, iaitu seorang Melayu antara puluhan bukan Melayu yang sudah jadi bilionair. Hari-hari ditunjukkan tuduhannya kepada Syed Mokhtar sebagai kroni. Bahawa semua bilionair bukan Melayu juga mendapat sokongan dari kerajaan tidak disebut sebagai kroni. Tanpa pemberian lesen dan peluang oleh kerajaan, tak mungkin orang bukan Melayu ini menjadi begitu kaya dengan begitu pantas dan ramai. Ada yang dapat monopoli import gula dan tepung selama 60 tahun tetapi tidak juga dijadikan sasaran Anwar. Tanpa usaha mengamankan negara, mencipta sistem cukai serta dasar, menjadi mega projek dan lain-lain tak mungkin mereka ini meraih kekayaan berbillion-billion. Bagi Anwar ini tak mengapa kerana mereka bukan Melayu.

Yang ditunjukkan ialah kepada Tan Sri Syed Mokhtar dan segelintir orang Melayu yang berjaya. Orang Melayu mestilah benci mereka ini kerana mereka kaya dan sudah tentu mereka adalah kroni.

Dan ramailah orang Melayu terutama pemuda yang sudah benci kepada

"kroni-kroni" ini dan UMNO dan menolak UMNO. Tidak disebut oleh Anwar akan ratusan ribu anak Melayu yang mendapat pelajaran tinggi kerana biasiswa kerajaan pimpinan UMNO. Apakah ratusan ribu ini juga kroni?

Kita tahu setelah kerajaan pimpinan UMNO memberi biasiswa supaya mereka dapat ke universiti, ramai dari mereka berdemonstrasi mengutuk kerajaan. Sekarang setelah mendapat pekerjaan dan menjadi ahli profesional, ramai dari mereka juga tidak menyokong kerajaan. Kroni kerajaankah mereka?

Peniaga dan pengusaha yang diberi peluang dan bantuan, pekerja-pekerja yang mendapat kerja kerana DEB, apakah mereka semuanya terdiri dari kroni kerajaan? Ada mereka yang menyertai parti lawan dan mengutuk kerajaan UMNO. Kronikah mereka?

Menuduh hanya kroni kerajaan sahaja yang mendapat nikmat dari DEB adalah satu fitnah besar. Tetapi ramai orang Melayu yang terima fitnah ini dan membenci kerajaan dan UMNO yang dipimpin oleh orang Melayu.

Apabila orang Melayu membenci orang Melayu dan berkelahi sesama sendiri, apabila mereka menyokong orang yang sebenarnya tidak punyai niat baik terhadap mereka maka akan runtuhlah kuasa yang sedikit yang ada pada orang Melayu, maka akan berjajalah perebutan kuasa politik oleh orang lain.

Lihatlah orang Melayu yang hari ini terpaksa duduk di negara yang diperintah oleh orang bukan Melayu, berjajakah mereka?